AXCEL PAPAIN TABLET

Papain Pure (equivalent to proteolytic enzymes from Carica papaya 10,000 units)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Papain Tablet.
2. Sebelum mengambil Axcel Papain Tablet.
3. Cara menggunakan Axcel Papain Tablet.
4. Semasa menggunakan Axcel Papain Tablet.
5. Kesan- kesan sampingan.
6. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Papain Tablet.
7. Maklumat lanjut.
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
9. Tarikh kemaskini.

Apakah kegunaan Axcel Papain Tablet

Axcel Papain Tablet digunakan dengan kombinasi cara fizikal atau *chemotherapeutic* yang lain untuk merawat edema dan keradangan.

Sebelum mengambil Axcel Papain Tablet

-<u>*Bila tidak boleh mengambil*</u>

Jangan ambil Axcel Papain Tablet jika:

- Anda menghidapi penyakit darah beku.
- Anda menghidapi mana-mana jangkitan umum atau sistemik.

Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda menghidapi penyakit ginjal.
- Anda menghidapi penyakit hati.
- Anda mengandung.

<u>*-Jika mengambil ubat- ubat lain*</u>

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut kerana ia mungkin berinteraksi dengan Axcel Papain Tablet anda:

- Mana-mana ubat anticoagulant.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Papain Tablet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Papain Tablet

-<u>*Berapa banyak harus digunakan*</u>

Pengambilan oral sahaja.

Untuk dewasa: 2 tablet 4 kali sehari sebelum pembedahan diikuti dengan 4 kali sehari selama 5 hari.

<u>*-Bila perlu digunakan*</u>

Axcel Papain Tablet perlu diambil apabila anda mengalami edema dan keradangan. Kebiasaannya, ia diambil dengan kombinasi cara fizikal atau *chemotherapeutic* yang lain.

<u>*-Berapa lama perlu digunakan*</u>

Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.

Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

<u>*-Jika terlupa menggunakan*</u>

Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Papain Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

<u>*-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*</u>

Dinasihatkan supaya anda hubungi dan memaklumkan doktor anda jika anda mengambil Axcel Papain Tablet berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Papain Tablet

<u>*-Perkara yang perlu dilakukan*</u>

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan kepada doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain secara tiba-tiba.
- Ambil Axcel Papain Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

<u>*-Perkara yang tidak boleh dilakukan*</u>

- Jangan ambil Axcel Papain Tablet lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos pada setiap satu masa pengambilan.
-

<u>*-Perkara yang perlu diberi perhatian*</u>

- Hindari penggunaan berterusan dengan dos tinggi.
- Berhati-hati menggunakan Axcel Papain Tablet ketika mengandung.
- Berhati-hati semasa mengambil ubat ini jika anda menghidap penyakit ginjal atau hati.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Papain Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doctor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- *Urticaria*.
- *Pruritus*.
- Kepeningan.
- Rasa loya.
- Muntah-muntah.
- Cirit-birit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

AXCEL PAPAIN TABLET

Papain Pure (equivalent to proteolytic enzymes from Carica papaya 10,000 units)

Cara penyimpanan dan Pelupusan Axcel Papain Tablet

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Papain Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 25ºC.
Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Papain Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axcel Papain Tablet berwarna biru cair, biconveks, bulat dan mempunyai diameter 8mm dengan logo KOTRA pada satu bahagian dan satu bahagian lagi dicetak dengan satu garisan.

-Bahan- bahan kandungan

- Bahan Aktif:
  Papain

- Bahan Tidak Aktif:
  Magnesium Stearate, Lactose, Sodium Starch Glycollate, PVP K90, Brilliant Blue Dye, Talcum Powder, Purified water dan Microcrystalline Cellulose.

-Nombor MAL

MAL

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/03/19

Nombor siri

NPRA(R2)19/57